



KERAJAAN MALAYSIA
SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 11 TAHUN 2014

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Ketua Polis Negara - Bahagian Kewangan
Pengarah Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)
Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri
Semua Pengarah Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara
Semua Pusat Gaji

**PERATURAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN,
BAYARAN KHAS PRESTASI DAN BAYARAN KHAS *CONTRACT FOR SERVICE*
BAGI TAHUN 2014**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan pembayaran berikut:
- i. Imbuhan Tahunan kepada pegawai dalam Kumpulan Pelaksana serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
 - ii. Bayaran Khas Prestasi kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi; dan
 - iii. Bayaran Khas *Contract For Service* bagi tahun 2014.

1.2 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2014 dan surat daripada Kementerian Kewangan rujukan KK/BP/DS(S)10/79/28 (S.K.1/2014)(7) bertarikh 26 November 2014.

2. ASAS PENGIRAAN IMBUHAN TAHUNAN, BAYARAN KHAS PRESTASI DAN BAYARAN KHAS *CONTRACT FOR SERVICE*

Asas pengiraan Imbuhan Tahunan, Bayaran Khas Prestasi dan Bayaran Khas *Contract For Service* kepada individu lantikan *contract for service* perlu merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2014 dan surat daripada Kementerian Kewangan.

3. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN, BAYARAN KHAS PRESTASI DAN BAYARAN KHAS *CONTRACT FOR SERVICE*

3.1 Imbuhan Tahunan, Bayaran Khas Prestasi dan Bayaran Khas *Contract For Service* akan **dibayar pada 22 Januari 2015**. Dalam membuat bayaran ini, peraturan-peraturan berikut perlu dipatuhi:

3.1.1 Cukai Pendapatan

Imbuhan Tahunan, Bayaran Khas Prestasi dan Bayaran Khas *Contract For Service* adalah tertakluk kepada layanan cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, Potongan Cukai Bulanan (PCB) tidak dipotong semasa pembayaran ini dibuat, tetapi akan diambil kira dalam Penyata Pendapatan Tahunan untuk tujuan penaksiran cukai pendapatan. Pegawai perlu menjelaskan sendiri cukai pendapatan berkenaan berdasarkan kepada Jadual (Kaedah 3) Potongan Cukai Bulanan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

3.1.2 Potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Di bawah tafsiran 'Upah' dalam Seksyen 2, Akta KWSP 1991, Imbuhan Tahunan, Bayaran Khas Prestasi dan Bayaran Khas *Contract For Service* adalah dikenakan caruman KWSP. Potongan caruman pekerja dan bayaran caruman majikan perlu dibuat sewajarnya.

3.1.3 Bayaran Bagi Pegawai di Bawah Sistem Gaji Berkomputer (*Payroll*)

- i. Pejabat Perakaunan (Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri/ Cawangan dan Jabatan Mengakaun Sendiri) akan mengeluarkan **Laporan Pengiraan Bonus** sebagai ganti Borang Perubahan Gaji (SG20);
- ii. Pusat Gaji hendaklah mengutip semula atau memotong daripada gaji bulan berikutnya amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai di bawah pengurusanannya;
- iii. Bagi kes pegawai bertukar keluar (T42) dan bersara (T49) yang mana gajinya masih diproses dalam *Payroll* di Jabatan lama, bayaran hendaklah dibayar oleh Jabatan lama dengan menggunakan baucar bayaran berasingan; dan
- iv. Bagi tujuan mengelakkan keciciran atau kelewatan dalam pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi kepada pegawai yang telah bertukar keluar tetapi gajinya masih dibayar di Jabatan lama, bayaran hendaklah dibayar oleh Jabatan lama.

3.1.4 Pembayaran Melalui Baucar Berasingan

Bagi bayaran yang dibuat melalui baucar berasingan, dokumen sokongan yang lengkap hendaklah disertakan.

3.1.5 Kod Urus Niaga

Kod-kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran Imbuhan Tahunan, Bayaran Khas Prestasi dan Bayaran Khas *Contract For Service* adalah seperti berikut:

<u>KOD OBJEK</u> (Baucar Bayaran)	<u>KOD ELAUN</u> (Payroll)	<u>PERIHAL KOD OBJEK</u>
17101	1056	Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam.
17201	1056	Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan.
29304	1056	Imbuhan Tahunan Pekerja Sementara dan Sambilan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap.
17103	1501	Bayaran Khas Prestasi Jawatan Utama.
17203	1501	Bayaran Khas Prestasi Pasukan Keselamatan.
17101	1533	Pelarasan Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam.

<u>KOD OBJEK</u> (Baucar Bayaran)	<u>KOD ELAUN</u> (Payroll)	<u>PERIHAL KOD OBJEK</u>
17201	1533	Pelarasan Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan.
17103	1532	Pelarasan Bayaran Khas Prestasi Jawatan Utama.
17203	1532	Pelarasan Bayaran Khas Prestasi Pasukan Keselamatan.

4. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR IMBUHAN TAHUNAN, BAYARAN KHAS PRESTASI DAN BAYARAN KHAS *CONTRACT FOR SERVICE*

Kementerian/ Jabatan hendaklah membayar Imbuhan Tahunan, Bayaran Khas Prestasi dan Bayaran Khas *Contract For Service* ini daripada peruntukan Tahun 2015. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan Malaysia.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi & Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan"


(DATO' HAWAZAIN BINTI SHAARI)
Timbalan Akauntan Negara Malaysia (Operasi)

12 Disember 2014

s.k :

1. Ketua Audit Negara
2. Semua Akauntan/ Bendahari Negeri
3. Ketua Eksekutif LHDN
4. Pengurus Besar KWSP